



## SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN

### IKLAN PENGAMBILAN KHAS GURU BAGI SEKOLAH KEBANGSAAN DAN SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA TAHUN 2020

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) mempelawa calon yang berkelayakan, berpotensi, berminat dan beriltizam untuk memohon bagi pengambilan khas guru seperti berikut:

- A. **Sekolah Kebangsaan (SK); dan**
- B. **Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).**

#### 1. KETERANGAN PROGRAM

##### (A) SEKOLAH KEBANGSAAN

(Penempatan di Semenanjung Malaysia dan Sarawak sahaja)

(1) Opsyen – opsyen yang diperlukan adalah seperti berikut:

OPSYEN	BIDANG BERKAITAN YANG LAYAK MEMOHON
Bahasa Inggeris	1) Bahasa Inggeris.
Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	1) Bahasa Melayu; 2) Bahasa Inggeris; 3) Bahasa Cina; 4) Bahasa Tamil; 5) Bahasa Arab; 6) Kesusasteraan Melayu; 7) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan; 8) Sains; 9) Biologi;

OPSYEN	BIDANG BERKAITAN YANG LAYAK MEMOHON
	10) Fizik; 11) Kimia; 12) Matematik; 13) Teknologi Maklumat; 14) Teknologi Reka bentuk Komputer; 15) Multimedia; 16) Perisian Pendidikan; 17) Sejarah; 18) Geografi; 19) Ekonomi; 20) Perakaunan; 21) Pentadbiran Perniagaan; 22) Pendidikan Moral; 23) Pengajian Malaysia; 24) Reka Bentuk Teknologi; 25) Sains Pertanian; 26) Reka Cipta; 27) Pendidikan Islam; dan 28) Pendidikan Awal Kanak – Kanak; 29) Sains Sukan; 30) Sains Kejurulatihan; dan 31) Sukan & Rekreasi
Sejarah	1) Sejarah; 2) Bahasa Melayu; 3) Bahasa Inggeris; 4) Bahasa Cina; 5) Bahasa Tamil; dan 6) Kesusasteraan Melayu.

(2) Nama Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) **Gred DG41 (Contract of Service)**.

(3) Syarat – Syarat Kelayakan Asas:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Sihat Tubuh Badan;
- (iii) Memiliki sekurang-kurangnya **Kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan **Sejarah** di peringkat **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

- (iv) Bagi opsyen **Bahasa Inggeris**, calon perlu mencapai sekurang-kurangnya **Band C1** dalam piawaian **Common European Framework of Reference (CEFR)** atau **Band 5** dalam peperiksaan **Malaysian University English Test (MUET)**.
- (v) Memiliki kelulusan akademik sekurang – kurangnya seperti berikut:
- (1) **Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Awam (UA)** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) / (*Cumulative Grade Point Average (CGPA)*) minimum 3.0 bagi calon – calon Semenanjung Malaysia; atau
  - (2) **Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Awam (UA) atau Institut Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) atau Institusi Pengajian Tinggi Luar Negara** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) / (*Cumulative Grade Point Average (CGPA)*) minimum 3.0 **bagi calon – calon anak negeri Sarawak**.

**(B) SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN CINA (SJKC)**

(Penempatan di SJKC Semenanjung Malaysia sahaja)

Pengambilan Khas Guru Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) terbuka kepada calon - calon yang memiliki kelayakan seperti berikut:

**LANTIKAN TETAP**

- (1) Nama Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) **Gred DG41 (Lantikan Tetap)**.
- (2) Opsyen – opsyen yang diperlukan adalah seperti berikut:

OPSYEN	BIDANG BERKAITAN YANG LAYAK MEMOHON
Matematik	1) Matematik; 2) Sains; 3) Fizik; 4) Kimia;

OPSYEN	BIDANG BERKAITAN YANG LAYAK MEMOHON
	5) Teknologi Maklumat; 6) Tekonologi Maklumat Komputer; 7) Multimedia; 8) Perisian Pendidikan; 9) Ekonomi; 10) Perakaunan; dan 11) Pentadbiran Perniagaan.
Sains	1) Sains; 2) Matematik; 3) Biologi; 4) Fizik; 5) Kimia; 6) Teknologi Maklumat; 7) Tekonologi Maklumat Komputer; 8) Multimedia; dan 9) Perisian Pendidikan.
Reka Bentuk Teknologi	1) Reka Bentuk Teknologi; 2) Sains; 3) Biologi; 4) Fizik; 5) Kimia; 6) Matematik; 7) Teknologi Maklumat; 8) Teknologi Reka bentuk Komputer; 9) Multimedia; 10) Perisian Pendidikan; dan 11) Reka Cipta.

(3) Syarat – Syarat Kelayakan Asas:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Sihat Tubuh Badan;
- (iii) Memiliki **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan dari Universiti Awam (UA)** dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) / (*Cumulative Grade Point Average (CGPA)*) minimum 3.0;

- (iv) Memiliki sekurang-kurangnya Kepujian dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan **Sejarah** di peringkat **SPM** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia; dan
- (v) Memiliki sekurang-kurangnya **Kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Cina** di peringkat **SPM**.

**LANTIKAN KONTRAK (CONTRACT OF SERVICE)**

- (1) Nama Jawatan : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) **Gred DG41 (Contract of Service)**.
- (2) Opsyen – opsyen yang diperlukan adalah seperti berikut:

OPSYEN	BIDANG BERKAITAN YANG LAYAK MEMOHON
Bahasa Melayu	1) Bahasa Melayu; dan 2) Kesusasteraan Melayu.
Bahasa Inggeris	1) Bahasa Inggeris.
Matematik	1) Matematik; 2) Sains; 3) Fizik; 4) Kimia; 5) Teknologi Maklumat; 6) Tekonologi Maklumat Komputer; 7) Multimedia; 8) Perisian Pendidikan; 9) Ekonomi; 10) Perakaunan; dan 11) Pentadbiran Perniagaan.
Sains	1) Sains; 2) Matematik; 3) Biologi; 4) Fizik; 5) Kimia; 6) Teknologi Maklumat; 7) Tekonologi Maklumat Komputer; 8) Multimedia; dan

OPSYEN	BIDANG BERKAITAN YANG LAYAK MEMOHON
	9) Perisian Pendidikan.
Sejarah	1) Sejarah; 2) Bahasa Melayu; 3) Bahasa Inggeris; 4) Bahasa Cina; 5) Bahasa Tamil; dan 6) Kesusasteraan Melayu.
Reka Bentuk Teknologi	1) Reka Bentuk Teknologi; 2) Sains; 3) Biologi; 4) Fizik; 5) Kimia; 6) Matematik; 7) Teknologi Maklumat; 8) Teknologi Reka bentuk Komputer; 9) Multimedia; 10) Perisian Pendidikan; dan 11) Reka Cipta.
Pendidikan Jasmani dan Kesihatan	1) Bahasa Melayu; 2) Bahasa Inggeris; 3) Bahasa Cina; 4) Bahasa Tamil; 5) Bahasa Arab; 6) Kesusasteraan Melayu; 7) Pendidikan Jasmani dan Kesihatan; 8) Sains; 9) Biologi; 10) Fizik; 11) Kimia; 12) Matematik; 13) Teknologi Maklumat; 14) Teknologi Reka bentuk Komputer; 15) Multimedia; 16) Perisian Pendidikan; 17) Sejarah; 18) Geografi; 19) Ekonomi; 20) Perakaunan; 21) Pentadbiran Perniagaan;

OPSYEN	BIDANG BERKAITAN YANG LAYAK MEMOHON
	22) Pendidikan Moral; 23) Pengajian Malaysia; 24) Reka Bentuk Teknologi; 25) Sains Pertanian; 26) Reka Cipta; 27) Pendidikan Islam; 28) Pendidikan Awal Kanak – Kanak; 29) Sains Sukan; 30) Sains Kejurulatihan; dan 31) Sukan & Rekreasi.

- (3) Tidak mempunyai ikhtisas pendidikan;
- (4) Syarat – Syarat Kelayakan Asas:
- (i) Warganegara Malaysia;
  - (ii) Sihat Tubuh Badan;
  - (iii) Memiliki **Ijazah Sarjana Muda dari Universiti Awam (UA)** dalam bidang berkaitan sahaja yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dengan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) / (*Cumulative Grade Point Average (CGPA)*) minimum 3.0;
  - (iv) Memiliki sekurang-kurangnya **Kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Melayu** dan **Sejarah** di peringkat **SPM** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia;
  - (v) Bagi opsyen **Bahasa Inggeris**, perlu mencapai sekurang-kurangnya **Band C1** dalam piawaian **Common European Framework of Reference (CEFR)** atau **Band 5** dalam peperiksaan **Malaysian University English Test (MUET)**; dan
  - (vi) Memiliki sekurang-kurangnya **Kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Cina** di peringkat **SPM**.

## 2. MAKLUMAT JAWATAN

### (I) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (Lantikan Tetap)

- (a) Jawatan / Gred : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 (Lantikan Tetap);
- (b) Gaji RM 2,188.00; dan
- (c) Pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Gred DG41 adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2016.

### (II) Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*)

- (a) Jawatan / Gred : Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 (*Contract of Service*);
- (b) Gaji RM 2,188.00;
- (c) Pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Kontrak Gred DG41 (COS) adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2008 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 2016; dan
- (d) Caruman PERKESO berdasarkan surat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) rujukan PKJ:KJ.208/KPM bertarikh 24 April 2019 dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.600-12/1/11(29) bertarikh 16 Mei 2019.

## 3. CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

- (a) Calon yang sedang berkhidmat secara tetap dengan Kerajaan Malaysia;
- (b) Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan termasuk yang sedang mengikuti DPLI Mod Latihan Perguruan Kursus Dalam Cuti (KDC) atau Mod Latihan Perguruan Berasaskan Sekolah (LPBS) kelolaan KPM;



- (c) Calon yang masih terikat dengan kontrak perkhidmatan Agensi Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak dan tidak mendapat pelepasan daripada pihak tersebut;
- (d) Calon yang pernah mengikuti program ikhtisas di IPGM, KPM tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan daripada program;
- (e) Calon yang diisytiharkan bankrap;
- (f) Calon yang diberhentikan daripada Perkhidmatan Kerajaan kerana tindakan tatatertib atau disabitkan dengan kesalahan jenayah/penyalahgunaan dadah / ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri.

#### 4. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

- (a) Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari portal [JobsMalaysia](https://www.jobsmalaysia.gov.my/jobsmy/home) di alamat: <https://www.jobsmalaysia.gov.my/jobsmy/home> mulai **6 Mac 2020**; dan
- (b) Calon yang didapati memberi maklumat salah / tidak benar / manipulasi maklumat dalam permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang. Maklumat ini akan disemak secara terperinci pada hari temu duga, lapor diri bertugas dan selama tempoh kontrak.

#### 5. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

- (a) Graduan Pendidikan UA yang dilantik secara tetap sebagai PPP Gred DG41 untuk ditempatkan di Sekolah Rendah perlu menghadiri latihan penyesuaian di Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dengan pembiayaan sendiri;
- (b) Pemohon yang diterima perlu menduduki Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) sebelum ditemu duga bagi jawatan PPP DG41 lantikan kontrak (*Contract Of Service*);
- (c) Pemohon yang lulus temu duga dan ditawarkan jawatan PPP Gred DG41 (*Contract Of Service*) hendaklah bersetuju dan patuh dengan syarat-syarat surat tawaran serta pindaan-pindaan yang dibuat ke

atasnya dari semasa ke semasa untuk berkhidmat di mana-mana sekolah sama ada di kawasan bandar atau pedalaman;

- (d) PPP Gred DG41 (*Contract Of Service*) yang tiada ikhtisas pendidikan perlu mengikuti **Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP)** secara Kursus Dalam Cuti (KDC) bagi mendapatkan ikhtisas pendidikan dengan pembiayaan sendiri dalam tempoh kontrak tersebut dan layak menuntut elaun perjalanan untuk menghadiri KDC tertakluk peruntukan semasa Jabatan;
- (e) PPP Gred DG41 (*Contract Of Service*) tersebut dikehendaki berkhidmat sekurang-kurangnya dua (2) tahun di sekolah yang ditetapkan dan tidak akan dipertimbangkan sebarang permohonan pertukaran sepanjang tempoh kontrak;
- (f) Maklumat berkaitan status permohonan yang berjaya dipanggil temu duga akan dimaklumkan secara e-mel dan calon dikehendaki membawa salinan cetakan e-mel semasa temu duga;
  - (i) Semakan berhubung panggilan dan keputusan temu duga boleh dibuat di laman web SPP ([www.spp.gov.my](http://www.spp.gov.my)); dan
  - (ii) Semua pemohon **perlu mendapatkan surat pengiktirafan ijazah** daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang boleh dimuat turun daripada laman web di alamat:  
<http://www2.mqa.gov.my/mqr/> ; atau  
<http://www2.mqa.gov.my/esisraf/>

## 6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

**20 Mac 2020** sebelum jam 11.59 malam.